

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Skim MyHome dan Skim MyDeposit masih dikekalkan sebagai skim subsidi Kerajaan untuk pembeli rumah pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia makluman, pelaksanaan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) mula diperkenalkan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2019, Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan skim baharu melalui platform penjanaan dana masyarakat (*property crowdfunding*) sebagai sumber alternatif bagi pembelian rumah pertama yang dipacu oleh sektor swasta. Dalam hal ini, inisiatif FundMyHome yang diselia oleh EdgeProp Sdn. Bhd. telah diperkenalkan yang mana pembelian rumah pertama boleh dilaksanakan oleh pembeli dengan hanya membayar

NO SOALAN : 40

deposit 20% daripada harga rumah dan baki 80% akan dibiayai oleh pelabur lain.

2. Menyedari bahawa akan terdapat pembeli yang kurang berkemampuan untuk membayar sejumlah 20% deposit pembelian rumah di bawah FundMyHome, maka Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 20 Februari 2019 telah melancarkan skim baharu iaitu Skim FundMyHome-Depositku. Skim FundMyHome-Depositku ini menyediakan bantuan pembiayaan pinjaman sebanyak 10% atau maksima RM30,000.00 kepada pembeli yang layak.

3. Untuk peringkat permulaan ini, Skim FundMyHome-Depositku hanya dibuka untuk pembelian Harmoni Apartment @ Eco Majestic, Semenyih yang mana rumah ini telah siap sepenuhnya dan sedia diduduki.

4. Pelaksanaan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) pula telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan masih dikekalkan bertujuan membantu golongan berpendapatan sederhana (M40) untuk memiliki rumah melalui insentif pembelian rumah pertama. Pada masa yang sama, Skim MyHome ini juga merupakan langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik.

5. Skim ini menawarkan insentif sebanyak RM30,000.00 untuk seunit rumah kepada pembeli yang layak serta akan memberi manfaat kepada pembeli-pembeli rumah pertama dan pemaju-pemaju swasta.

Sekian, terima kasih.